



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**KOLEJ KOMUNITI
CAWANGAN
RANTAU PANJANG**

STUDENTS HANDBOOK





STUDENTS HANDBOOK



JAWATANKUASA PENERBITAN STUDENTS HANDBOOK

Penasihat:

Hafizullah Bin Samsudin

Penolong Penasihat:

Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri

Ketua Editor:

Mohd Azian Bin Husin@Che Hamat

Editor:

Muhd Fadhlullah Bin Rashid

Mohd Najib Bin Mohd Yusof

Mohd Shaifullah Bin Mohd Daud

Aslamaitulakma Binti Mohamad

Nik Norhasmah Binti Nik Soh

Norharifas Binti Mohamad

Zety Shakila Binti Mohd Yusof

Tuan Mohd Hilme Khairi Bin Tan Yusoff

Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang
Kementerian Pengajian Tinggi
PT3113 & PT3114, Lebuhraya Rantau Panjang,
17200, Rantau Panjang,
Kelantan Darul Naim.
Tel.: 09 – 7950130
Website: <https://kkcrp2020.wixsite.com/kkcrp>

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan, dihantar dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis dari Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.



KATA-KATA ALUAN PENGARAH



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya dahului kata-kata aluan dengan memanjatkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, maka penerbitan “*Students Handbook*” Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang dapat direalisasikan. Buku panduan ini merupakan pengenalan terhadap program pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.

KKcRP merupakan salah satu institusi pengajian tinggi TVET dibawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK). Ia juga adalah salah satu cawangan kepada Kolej Komuniti Pasir Mas yang menawarkan Sijil Perkhidmatan Logistik dalam bidang Pengurusan & Pentadbiran Perniagaan. KKcRP mula beroperasi pada sesi Disember 2018 dan kini sedang bergiat aktif untuk menjadi salah satu Pusat Penyedia Pengajian Tinggi TVET yang relevan.

Objektif utama buku panduan ini diterbitkan adalah sebagai bahan rujukan bagi para pelajar KKcRP dalam memahami dan mengenali program pengajian yang ditawarkan. Anda akan melalui fasa pengenalan mengenai ilmu perkhidmatan logistik serta kepentingannya dalam industri, lebih-lebih lagi industri kecil dan sederhana (IKS) yang sedang menuju ke arah revolusi IR 4.0. Selain daripada itu, amalan pembelajaran yang sentiasa menguji potensi diri dan “berfikir di luar kotak” haruslah sentiasa diterapkan sehingga tamat pengajian. Ini kerana, KKcRP memberi peluang kepada pelajar membina keyakinan diri, mengasah bakat dan kemahiran untuk memimpin pelbagai aktiviti yang dianjurkan bersama institusi atau agensi lain.

Buku panduan ini memberikan pemahaman secara ringkas mengenai kursus-kursus yang terkandung dalam program Sijil Perkhidmatan Logistik bermula dari semester pertama hingga tamat pengajian. Diharapkan ia dapat memberi panduan yang jelas terutama kepada pelajar KKcRP dan pembaca lain secara umum.

Warga KKcRP mendoakan agar anda sentiasa sihat, bahagia dan cemerlang sepanjang masa. Semoga anda kekal menjadi kebanggaan kami.

Hafizullah Bin Samsuddin

Pengarah

Kolej Komuniti Pasir Mas & Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang



ISI KANDUNGAN

KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG

1	Pengenalan	1
	Visi & Misi	2
	Teras Strategik & Moto KKcRP	3
	Carta Organisasi	4

UNIT AKADEMIK

2	Pengenalan	5
	Pelaksanaan Program Pengajian	5
	Tujuan	6
	Pendaftaran Kursus	6
	- Kredit Kursus	7
	Pengajaran & Pembelajaran	8
	- Rekod Kehadiran	9
	- Folio Pelajar	9
	Sistem Penilaian	9 – 11
	Kumpulan Akademik	12 – 13
	Fasiliti & Infrastruktur	
	- Fasiliti PdP	14
	- Infrastruktur	15

UNIT SOKONGAN AKADEMIK

3	Pengenalan	16
	Ambilan	16
	- Kemasukan	16 – 17
	- Pendaftaran	17 – 18
	- Pertukaran Kolej	18
	- Tangguh Pengajian	19
	- Berhenti Pengajian	19
	- Yuran	19 - 20



ISI KANDUNGAN (samb)

UNIT SOKONGAN AKADEMIK


3	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar	
	- Bantuan Kewangan Pelajar	20-21
	- Pengurusan Disiplin	21
	- Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	21 – 22
	Unit Latihan Industri	23 – 24
	Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan	24
	Unit Keusahawanan	25
	Unit Perpustakaan	26

INPUT PROGRAM SLK

4	Sinopsis	27 – 28
	Prospek Kerja	29
	Objektif Program Pengajian (PEO)	29
	Hasil Pembelajaran Program (PLO)	30
	Matriks Hubungan PEO & PLO	31 – 32
	Struktur Program	33 – 35
	Sinopsis & Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)	36 - 42

PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE)

5	Pengenalan	43
	Keberkesanan OBE	44





PENGENALAN

Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang secara rasminya mula beroperasi pada sesi pengajian Disember 2018 bertempat di PT 3113 & PT 3114, Lebuhraya Rantau Panjang, Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim. KKcRP menawarkan kursus sepenuh masa iaitu Sijil Perkhidmatan Logistik dan kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).


Program Sijil Perkhidmatan Logistik adalah satu-satunya program yang ditawarkan bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi yang semakin meningkat dalam industri perkhidmatan bercirikan Revolusi IR 4.0.

Sejajar dengan itu, pelajar yang mengharungi sistem pengajian Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang diterapkan dengan keperluan pengetahuan dan latihan pada masa hadapan bagi melahirkan graduan TVET yang mampu bekerja sendiri, mempunyai ciri-ciri penyemarakan kemahiran “multi-skilling” dan kemahiran kemandirian (enterprising skills) yang berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.

Penubuhan KKcRP adalah seiring dengan RMK ke-11 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dalam menghasilkan modal insan yang serba boleh, dinamik dan cemerlang.

VISI


Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul



TERAS STRATEGIK

Politeknik dan Kolej Komuniti berhasrat menjadi peneraju institusi TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Berdasarkan keperluan masa kini, ENAM (6) teras strategik telah dibangunkan dan setiap satunya memfokuskan kepada aspek-aspek yang telah dikenal pasti sebagai elemen penting dalam konteks Pendidikan Tinggi Negara.

Teras strategik merupakan asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan visi, misi dan hala tuju organisasi. Ia berperanan untuk mengemudi Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.




MOTO KKcRP

CARTA ORGANISASI KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG



CARTA ORGANISASI PENGURUSAN
KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI




UNIT AKADEMIK

PENGENALAN

Program Sijil Perkhidmatan Logistik yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang dikategorikan sebagai kluster perniagaan dan pentadbiran perniagaan. Ia diketuai oleh Timbalan Pengarah serta dibantu oleh Ketua Program bersama pensyarah-pensyarah kanan dan pensyarah-pensyarah bidang mengikut latar belakang pengajian masing-masing.

PELAKSANAAN PROGRAM PENGAJIAN

Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) adalah program pengajian di dalam bidang perkhidmatan yang ditawarkan di KKcRP. Pelaksanaan program pengajian bagi Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) ini berbentuk Sijil Kolej Komuniti (Berterusan), SKK(T). Ia dilaksanakan selama 4 semester bersamaan 16 bulan. Pelajar perlu mengikuti pengajian semester 1 hingga semester 3 di kolej komuniti dan semester 4 di industri. Jumlah kredit SKK(T) yang ditawarkan ialah 60.





TUJUAN

- Menyediakan program pendidikan yang berkaitan dengan perkhidmatan logistik untuk menghasilkan pelajar yang kompetitif dan bercirikan usahawan.
- Menyediakan pelajar dengan sukatan pengajian dan pembelajaran yang memenuhi keperluan industri dalam perniagaan perkhidmatan logistik.
- Melahirkan pelajar yang berdaya saing selaras dengan keperluan masa depan dan berteraskan Revolusi IR 4.0.

PENDAFTARAN KURSUS

- Pelajar perlu membuat pendaftaran kursus pembelajaran yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari selepas semester semasa bermula.
- Pendaftaran kursus yang dibuat perlu mendapat pengesahan dari daripada Timbalan Pengarah / Ketua Program.
- Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan dengan teliti dan mengikuti sepenuhnya aktiviti PdP bagi kursus tersebut.

KREDIT KURSUS

- Setiap kursus mempunyai nilai kredit tertentu. Nilai kredit bagi setiap 40 jam pembelajaran bagi pelajar adalah bersamaan dengan satu (1) kredit.
- Setiap kursus direka bentuk antara satu (1) hingga lima (5) kredit. Oleh itu, kursus-kursus pembelajaran yang terkandung dalam program Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) kecuali Latihan Industri, maksimum kreditnya adalah empat (4).
- Pelajar dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya sembilan (9) kredit dan maksimum sembilan belas (19) kredit bagi setiap semester dengan kebenaran TP.
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang dari 2.00 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 13 kredit termasuk Mata Pelajaran Umum pada semester berikutnya.
- Bagi pelajar yang mengulang kursus, gred terkini akan menggantikan gred terdahulu. Pelajar yang perlu mengulang kursus sembilan (9) kredit atau lebih, tidak dibenarkan mendaftar kursus bagi semester berikutnya.
- Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat (LB), dibenarkan mengulang kursus bagi menebus gred dan gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- Pelaksanaan PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) adalah berpandukan struktur program dan kurikulum yang dibekalkan oleh JPPKK.
- Konsep “*OBE*” (*Outcome Based Education*) diterapkan dalam semua kursus yang terkandung dalam kurikulum. Terma “*Outcome*” atau hasil dalam perkara ini menjadi satu indikator yang perlu dicapai oleh pelajar apabila tamat sesi pembelajaran kursus.
- “*OBE*” direka agar pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran sehingga mencapai tahap kualiti yang ditetapkan apabila mereka keluar dari sistem pengajian Kolej Komuniti.

REKOD KEHADIRAN

- Kehadiran pelajar bagi setiap kursus direkodkan dalam Rekod Kehadiran Kursus.
- Pelajar wajib menghadiri setiap sesi PdP tidak kurang 80% daripada jumlah jam pertemuan bagi setiap kursus.
- Tempoh maksimum bagi ketidakhadiran bersebab adalah **LIMA (5)** hari sepanjang semester.
- Pelajar yang tidak mencapai kehadiran 80% daripada jumlah jam pertemuan untuk setiap kursus, tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir (PA).

FOLIO PELAJAR

- Pelajar perlu mengumpulkan semua bukti-bukti penilaian PdP yang dibuat ke dalam satu fail yang dikenali sebagai Folio.
- Sekurang-kurangnya **LIMA (5)** folio pelajar wajib disimpan oleh pihak Kolej Komuniti bagi setiap semester yang ditawarkan untuk tujuan semakan.
- Tempoh penyimpanan folio adalah sekurang-kurangnya selama **SATU (1)** tahun.

SISTEM PENILAIAN

- Penilaian adalah berdasarkan kepada hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan oleh kurikulum.
- Kaedah penilaian adalah berdasarkan penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.
- Peratusan bagi penilaian akhir dibahagikan kepada dua kategori:
 - a) Kursus yang mempunyai peperiksaan akhir
 - i. Penilaian Berterusan (70%). Pelajar akan dinilai melalui kuiz, ujian, tugas, mini projek dan pembentangan di sepanjang semester.
 - ii. Peperiksaan Akhir (30%). Ianya merujuk kepada peperiksaan akhir semester.
 - b) Kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir
 - i. Penilaian Berterusan (100%). Pelajar akan dinilai melalui tugas, projek dan pembentangan di sepanjang semester.

- Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester seperti Jadual 1.0 di bawah:

PENCAPAIAN	STATUS AKADEMIK
3.67 - 4.00	Cemerlang
3.00 - < 3.67	Kepujian
2.00 - < 3.00	Baik
1.00 - < 2.00	Lulus Bersyarat
< 1.00	Gagal

Jadual 1.0: Status Pencapaian Akademik Pelajar

- Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus ditunjukkan dalam bentuk gred seperti Jadual 1.1 di bawah:

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 - 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 - 89	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	Kepujian
70 - 74	B+	3.33	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	Baik
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	
47 - 49	C-	1.67	Lulus Bersyarat
44 - 46	D+	1.33	
40 - 43	D	1.00	
0 - 39	F	0.00	Gagal

Jadual 1.1: Sistem Gred

Pengiraan PNG dan PNGK ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah mata kredit sesuatu semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit sesuatu semester / modul}}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah mata kredit semua semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit semua semester / modul}}$$

****Petunjuk :**

PNG : Purata Nilai Gred

PNGK : Purata Nilai Gred Kumulatif

UNIT AKADEMIK

KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG

**Pn Nurul Zulaikha Binti
Mohammad Nadzri**

Timbalan Pengarah

nurulzulaikha@kkpmas.edu.my



En Muhd Fadhlullah Bin Rashid

Timbalan Pengarah

muhd_fadhlullah@kkpmas.edu.my



En Md Nazrun Bin Yaacob

Ketua Program SLK

mdnazrun@kkpmas.edu.my



**En Mohd Azian Bin Husin
@ Che Hamat**

Pensyarah Kanan
azian@kkpmas.edu.my



Pn Nik Norhasmah Binti Nik Soh

Pensyarah Kanan
niknoorhasmah@kkpmas.edu.my



Pn Norharifas Binti Mohamad

Pensyarah
norharifas@kkpmas.edu.my



Cik Zety Shakila Binti Mohd Yusof

Pensyarah
zetyshakila@kkpmas.edu.my



FASILITI DAN INFRASTRUKTUR

FASILITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP)

Fasiliti yang disediakan di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang bagi tujuan PdP adalah seperti di bawah:


- 3 Bilik Kuliah
- Dewan
- 2 Makmal Komputer
- Perpustakaan
- Bilik Simulasi Gudang



Bilik Kuliah



Dewan



Makmal Komputer



Perpustakaan



Bilik Simulasi Gudang

INFRASTRUKTUR

Infrastruktur yang disediakan di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang adalah seperti dibawah:

- Surau
- Bilik Aktiviti PSH
- Bilik Mesyuarat
- Ruang Lobi
- Perkhidmatan Wifi



Surau



Bilik Aktiviti PSH



Bilik Mesyuarat



Ruang Lobi

SOKONGAN AKADEMIK

Unit Pengambilan & Hal Ehwal Pelajar

PENGENALAN

Unit Pengambilan dan Hal Ehwal Pelajar mengendalikan sepenuhnya proses pengambilan dan rekod, serta pengurusan kebajikan pelajar Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal seperti pengambilan, pendaftaran, bantuan kewangan atau biasiswa pendidikan, disiplin dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.

AMBILAN

- Pengambilan pelajar Sijil Kolej Komuniti dilakukan sebanyak dua (2) kali setahun, iaitu pada ambilan Jun dan Disember.

KEMASUKAN

- Syarat Kelayakan Kemasukan Program Sijil Kolej Komuniti (SKK):
 - (i) Warganegara Malaysia
 - (ii) Lulus peperiksaan SPM atau setara
 - (a) Syarat khas berdasarkan program

- Permohonan kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti adalah dibuka melalui kaedah berikut:
 - (i) <http://upu.mohe.gov.my> (tempoh permohonan ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi (BPKP, JPT). Pemohon adalah terdiri daripada:
 - i. Calon lepasan SPM tahun semasa
 - ii. Calon yang ingin memohon ke institusi lain
 - (ii) <http://ambilan.mypolycc.edu.my>. Pemohon adalah terdiri daripada:
 - i. Calon SPM bukan dari tahun semasa
 - (iii) <http://www.mytvvet.edu.my/eborang>
 - (iv) Permohonan secara *walk-in* di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.

PENDAFTARAN

- Semasa proses pendaftaran, calon perlu mengemukakan salinan dokumen yang telah ditetapkan seperti:
 - a. Borang Jawapan Tawaran (BJT-KK) beserta gambar saiz pasport.
 - b. Salinan kad pengenalan yang disahkan.
 - c. Salinan keputusan peperiksaan SPM atau setara yang disahkan (bagi Program Sijil Kolej Komuniti).
 - d. Salinan sijil kokurikulum yang berkaitan disahkan.
 - e. Salinan sijil berhenti sekolah yang disahkan.
- Calon juga perlu melengkapkan borang **BHHP 1** hingga **BHHP 6** dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Pendaftaran Pelajar Baru.



- Bagi pelajar senior, tarikh lapor diri hendaklah diadakan pada **SEHARI** selepas hari Pendaftaran Pelajar Baru. Pelajar aktif perlu mengemukakan dokumen yang ditetapkan seperti:
 - a. Surat Panggilan Melapor Diri
 - b. Keputusan peperiksaan semester sebelum ini
 - c. Slip pembayaran yuran pengajian
- Pendaftaran pelajar dilakukan secara on-line (menggunakan sistem *ePelajar* kerana statistik pendaftaran dikira secara berkala).
- Jawatankuasa Pendaftaran Pelajar tidak boleh mendaftarkan calon/pelajar senior yang tidak menjelaskan yuran. Yuran perlu dijelaskan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pendaftaran rasmi.
- Tarikh akhir pendaftaran pelajar adalah pada hari terakhir minggu kedua PdP pada takwim akademik.

PERTUKARAN KOLEJ

- Pelajar yang ingin melakukan pertukaran ke kolej komuniti yang lain sebaiknya berbincang dan mendapatkan khidmat nasihat dari Pensyarah Kelas terlebih dahulu bagi mengetahui risiko pertukaran atau perpindahan.
- Pelajar yang ingin bertukar perlulah mengisi Borang Permohonan Pertukaran Kolej Komuniti dan menyertakan dokumen sokongan (surat rayuan pelajar / ibubapa / penjaga atau laporan kesihatan, jika ada).
- Pertukaran kolej hanya dibenarkan selewat-lewatnya pada **hari terakhir minggu pertama sesi akademik ambilan tersebut.**

TANGGUH PENGAJIAN

- Tempoh penangguhan pengajian bagi program Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) adalah maksimum 10 semester. Permohonan tangguh pengajian hanya dibenarkan bagi tempoh yang dipohon sahaja.
- Pelajar yang ingin menangguh pengajian perlulah mengisi Borang Penangguhan Pengajian dengan menyatakan sebab yang munasabah disamping mendapatkan tandatangan pengesahan dari ibubapa atau penjaga.

BERHENTI PENGAJIAN

- Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang **TIDAK AKAN** memulangkan yuran yang telah dibayar sekiranya pelajar memutuskan untuk berhenti dari pengajian selepas rasmi berdaftar sebagai pelajar KKcRP.
- Pelajar perlu mengisi Borang Berhenti Pengajian dengan menyatakan sebab yang munasabah disamping mendapatkan tandatangan pengesahan dari ibubapa atau penjaga.

YURAN

- Yuran Pengajian perlulah dijelaskan dengan sepenuhnya bagi memastikan proses pendaftaran pelajar tidak terganggu. Jadual 2.1 menunjukkan kadar bayaran yuran yang perlu dijelaskan oleh setiap pelajar mengikut semester.

KADAR BAYARAN PELBAGAI
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA
(PROGRAM SIJIL)

BIL	AGIHAN BAYARAN PERUNTUKAN PROGRAM / AKTIVITI	PELAJAR SEMESTER 1	PELAJAR SEMESTER 2	PELAJAR SEMESTER 3	PELAJAR SEMESTER 4 (LATIHAN INDUSTRI)	PELAJAR SEMESTER 5/7/9 (EXTEND)	PELAJAR SEMESTER 6/8/10 (EXTEND)
1	SUKAN				Tiada sebarang bayaran yuran pelbagai dikenakan		
	Program/Aktiviti Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)	10.00	10.00	10.00		10.00	10.00
2	KEUSAHAWANAN						
	Program/Aktiviti Keusahawanan Pelajar	-	5.00	5.00		5.00	5.00
3	HAL EHWAL PELAJAR						
	Program/Aktiviti Majlis Perwakilan Pelajar	10.00	5.00	5.00		5.00	5.00
	Program/Aktiviti Pelajar	45.00	40.00	40.00		40.00	40.00
	Tabung Kebajikan Pelajar	20.00	10.00	10.00		10.00	10.00
	Perlindungan Insurans Pelajar @ RM35/tahun	35.00	-	35.00		35.00	-
	Kelengkapan Minggu Suaikenal	40.00	-	-		-	-
	Program/Aktiviti Pelajar Baru (Aktiviti Suai Kenal)	30.00	-	-	-	-	
4	KEMAHIRAN DAN INOVASI						
	Program/Aktiviti Kemahiran & Inovasi Pelajar	-	20.00	20.00	20.00	20.00	
		210.00	90.00	125.00	-	125.00	90.00

Jadual 1.2 : Kadar Bayaran Yuran Pelajar

PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR

BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)

- Ianya berbentuk elaun yang diberikan secara percuma dan hanya diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.
- Pelajar boleh mendapatkan bantuan kewangan daripada pihak penaja atau pembiaya yang lain seperti bantuan Zakat, Baitulmal, Yayasan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan sebagainya. Ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan penaja atau badan pembiaya berkenaan.

Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU)

- Elaun Khas Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) hanya ditawarkan kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.
- Pelajar yang layak dan dibantu oleh Penyelaras Biasiswa kolej komuniti perlu membuat permohonan secara online di (https://biasiswa.moe.gov.my/bk_oku/index.php) dan seterusnya mengikut arahan serta langkah yang ditetapkan oleh pihak Bahagian Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seperti yang tercatat pada laman web tersebut.

PENGURUSAN DISIPLIN

- Pelajar adalah tertakluk kepada Akta 174 [Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976] dan pindaan-pindaannya dibaca bersama dengan Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Kolej Komuniti edisi terkini.
- Pelajar dikehendaki supaya mematuhi semua panduan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak KKcRP dan Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang tempoh pengajian.

JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)

- Seksyen 7 Bahagian III, Akta 174 Akta Institusi-Institusi Pelajar (Tatatertib) 1976 memperuntukkan bahawa sesuatu institusi hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) yang diwakili oleh sebilangan pelajar yang ditentukan oleh Pengarah.

- Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) merujuk kepada pelajar yang dilantik oleh kolej komuniti hasil daripada pilihan pelajar dalam Pilihanraya Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.
- Jawatankuasa ini akan menjadi tempat penyaluran suara dan juga pendapat pelajar bagi tujuan kepentingan dan juga kebajikan pelajar di kolej komuniti.
- Pernyataan di atas perlulah dirujuk bersama Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti edisi terkini.



Majlis Perlantikan Watikah JPP KKcRP

Unit Latihan Industri

- Untuk menjalani sesi Latihan Industri, pelajar perlu **LULUS** semua kursus yang ditawarkan dalam program SLK dari semester 1 hingga semester 3.
- Pelajar juga perlu menempatkan diri di industri yang bersesuaian dengan program SLK selama 1 semester (16 minggu/24 minggu). Tempoh ini memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MQA.
- Bagi program SLK, sebanyak 8 kredit diperuntukkan bagi melengkapkan jumlah jam kredit keseluruhan iaitu 60 kredit. Kursus LI diambil kira dalam pengiraan jumlah kredit bergraduat, tetapi tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK).
- Oleh itu, jika pelajar **DIBERHENTIKAN** oleh pihak majikan/industri, pelajar tersebut dikira **GAGAL** dalam LI dan perlu mengulang semester.
- Selain daripada menghadiri LI mengikut tempoh yang ditetapkan, pelajar juga perlu melengkapkan Buku Laporan Harian Latihan Industri dengan menyenaraikan tugas yang dibuat mengikut arahan Penyelia Syarikat.
- Pihak majikan/industri akan menilai prestasi pelajar dari masa ke semasa hingga pelajar tamat sesi LI. Pensyarah Penyelia pula akan membuat pemantauan pelajar LI di industri sebanyak 1 kali sepanjang semester.

- Penilaian LI dibuat berdasarkan kriteria seperti rajah 1.0 dibawah:



Rajah 1.0: Kriteria Penilaian Latihan Industri

Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan

- Sebagai salah seorang pelajar KKcRP yang berteraskan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dibawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, semestinya akan diketengahkan dengan budaya penyelidikan dan inovasi sepanjang tempoh pengajian.
- Melalui pertandingan inovasi yang diadakan di peringkat kolej, pelajar dapat menonjolkan kreativiti, bakat serta semangat kerja dalam pasukan dengan bantuan dan seliaan dari para pensyarah.
- Ia juga merupakan salah satu inisiatif pihak KKcRP untuk melahirkan pelajar yang kreatif, berdaya saing dan mampu menghasilkan inovasi-inovasi baru khususnya dalam bidang perkhidmatan logistik bercirikan Revolusi IR 4.0.



“Innovation Day” KK Pasir Mas & KKcRP 2019

Unit Keusahawanan

- Bidang keusahawanan adalah pemacu utama dalam meningkatkan tahap kreativiti, inovasi dan daya saing lulusan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Oleh itu, Unit Keusahawanan KKcRP telah bergerak seiring dengan Kolej Komuniti yang lain dalam memainkan peranan mendidik dan mendedahkan peluang berkaitan keusahawanan kepada para pelajar dari masa ke semasa.




Penglibatan pelajar KK Pasir Mas & KKcRP dalam aktiviti keusahawanan

Unit Perpustakaan

- Perpustakaan KKcRP berfungsi sebagai pusat sumber maklumat dan pemangkin kejayaan pelajar pada masa akan datang. Ia mula beroperasi pada tahun 2019 dan perolehan pertama bagi 17 buah buku bidang logistik telah dibuat.
- Sehingga kini, perpustakaan KKcRP telah mempunyai 92 buah buku yang terdiri daripada pelbagai kategori dan sumber pemilikan seperti berikut:
 - a. Sumber pemilikan KKcRP – 17 buah buku
 - b. Sumber pemilikan KK Pasir Mas – 40 buah buku
 - c. Sumber pemilikan Perpustakaan Negara Malaysia – 35 buah buku
 - d. Sumber pemilikan Sumbangan Luar
- Perpustakaan KKcRP juga menyediakan perkhidmatan perpustakaan elektronik, iaitu “ZLibrary” bagi kemudahan pelajar mendapatkan bahan bacaan ilmiah khusus dalam bidang logistik secara softcopy.



Perpustakaan KKcRP



Bunting “ZLibrary”

INPUT PROGRAM

Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK)

SINOPSIS

Program Perkhidmatan Logistik adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam asas logistik, pengurusan gudang, inventori, rantaian bekalan, pengangkutan, perolehan dan pengurusan pengagihan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara lain, program ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan:

1. Infrastruktur, undang-undang, pengurusan, isu teknologi dan pengangkutan antarabangsa.
2. Mengoptimumkan keputusan pengurusan rantaian bekalan di peringkat operasi, taktikal dan strategik dalam dunia perniagaan yang pesat.

3. Saluran yang sesuai, dasar dan strategi, kaedah pengagihan khas, logistik dan komunikasi serta elemen-elemen dalam pengagihan logistik.
4. Pengurusan akaun gudang seperti rekabentuk gudang, kaedah stor, pembungkusan, pengendalian bahan-bahan, tenaga kerja, pentadbiran gudang dan prosedur, faktor keselamatan dan isu semasa pengurusan gudang.
5. Menguruskan inventori yang dapat meningkatkan keuntungan korporat, dapat menjangkakan kesan polisi korporat ke atas aras inventori serta meminimumkan kos dalam aktiviti logistik.
6. Pembelian bahan sebenar , aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan proses belian dan proses perolehan dalam pengurusan rantaian bekalan.
7. Struktur dan organisasi dalam industri pengangkutan yang berkaitan dengan peraturan, dokumentasi komersial domestik dan antarabangsa yang perlu dipatuhi oleh pemain industri.

PROSPEK KERJA

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang sijil perkhidmatan logistik yang mana ia boleh diimplimentasikan bagi kerjaya di dalam bidang logistik. Pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang perkhidmatan logistik, membolehkan pelajar memulakan kerjaya di dalam bidang berikut:

1. Penyelia Gudang
2. Penyelia Stor
3. Penyelia Pengangkutan
4. Kerani Perolehan
5. Perunding Logistik
6. Penyelia kargo
7. Penyelia Pusat Pengedaran
8. Kerani Kawalan Inventori
9. Usahawan dalam Sektor Logistik

OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN

(PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES - PEO)

1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara.
2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif serta mengurus maklumat dengan baik melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan etika kerja serta tanggungjawab sosial.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM
(PROGRAMME LEARNING OUTCOMES - PLO)
(rujuk 8 Domain Hasil Pembelajaran MQF)

Di akhir pembelajaran, pelajar akan boleh:

1. Menjelaskan pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang yang berkaitan.
2. Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah.
3. Melaksanakan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasi prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan.
4. Melaksanakan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi.
5. Melaksanakan kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum.
6. Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.
7. Mempamerkan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
8. Menggunakan kemahiran pengurusan dan ciri-ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar.

MATRIKS HUBUNGAN PEO DAN PLO

PEO \ PLO	PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8
DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN MQF	Pengetahuan	Kemahiran Praktikal	Kemahiran dan tanggungjawab kemasyarakatan	Etika, profesionalisme dan kemanusiaan	Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan	Kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritikal dan kemahiran saintifik	Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat	Kemahiran mengurus dan keusahawanan
1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat Negara.	/	/						/

<p>2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.</p>		/				/	/	
<p>3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, mengurus maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggungjawab sosial.</p>			/	/	/			

© Hak Cipta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Semakan Disember 2019

STRUKTUR PROGRAM SIJIL PERKHIDMATAN LOGISTIK (semakan Disember 2019)

Semester 1

Komponen	Kod Kursus	Kursus	GLT		ILT	Kredit
			Teori	Praktikal		
Wajib	MPU 1311	Pendidikan Islam				1
	MPU 1321	Pendidikan Moral				
	SKW 1102	Aplikasi Komputer				2
	MPU 1231	Kemahiran Insaniah				1
	MPU 1181	Communicative English				1
Teras Biasa	SLK 1012	Matematik Perniagaan	14	14	52	2
	SLK 1023	Pengenalan Kepada Perniagaan	32	24	64	3
	SLK 1033	Prinsip Pemasaran	20	36	64	3
Teras Disiplin	SLK 1042	Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan(Osha)	18	10	52	2
	SLK 1053	Asas Pengurusan Logistik	42	14	64	3



Semester 2

Komponen	Kod Kursus	Kursus	GLT		ILT	Kredit
			Teori	Praktikal		
Wajib	MPU 1411	Ko Kurikulum (Kelab)				1
	MPU 1332	Pendidikan Islam 2				1
	MPU 1341	Pendidikan Moral 2				
	MPU 1222	Keusahawanan				2
Teras Disiplin	SLK 2023	Prinsip Dan Amalan Pengangkutan	42	14	64	3
	SLK 2033	Asas Pengurusan Rantaian Bekalan	31	25	64	3
	SLK 2043	Pengurusan Pengagihan	56	0	64	3
Teras Biasa	SLK 2074	Prinsip Perakaunan	33	51	76	4

Semester 3

Komponen	Kod Kursus	Kursus	GLT		ILT	Kredit
			Teori	Praktikal		
Wajib	MPU 1101	Workplace English				1
	MPU 1421	Ko Kurikulum (Sukan)				1
	MPU 1152	Pengajian Malaysia 1				2
Teras Disiplin	SLK 3014	Pengurusan Operasi Gudang	65	19	76	4
	SLK 3023	Pengurusan Inventori	50	6	64	3
	SLK 3033	Perolehan Logistik	45	11	64	3
	SLK 3043	Pengurusan Import & Eksport	40	16	64	3

Semester 4

Komponen	Kod Kursus	Kursus	GLT		ILT	Kredit
			Teori	Praktikal		
Wajib	SLI 4018	Latihan Industri				8

***Bagi pelajar warganegara yang tidak kredit Bahasa Melayu SPM WAJIB mengambil Kursus MPU 1212 Bahasa Kebangsaan A.**



SINOPSIS KURSUS & HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

(CLO)

SIJIL PERKHIDMATAN LOGISTIK

(semakan Disember 2019)

Semester 1



CLO 1

Menerangkan konsep persamaan dan analisis Titik Pulang Modal. (C1, PLO1)

CLO 2

Mengira diskaun perdagangan, diskaun tunai dan matematik peruncit. (C3, PLO6)


CLO 3

Membincangkan pengiraan penilaian projek dan permasalahan dalam pengangkutan. (A2, PLO7)

SLK 1012
(MATEMATIK PERNIAGAAN)

Sinopsis

- Matematik perniagaan menyediakan konsep dan analisis pelbagai pengiraan asas persamaan matematik perniagaan termasuk pengiraan titik pulangan modal, diskaun perniagaan, diskaun tunai, penentuan marginal dan harga jualan.
- Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengurusan maklumat pelaburan dalam perniagaan seperti pengiraan tempoh bayaran balik perniagaan, kadar pulangan perakaunan serta menyelesaikan masalah laluan pengangkutan bagi meminimalkan kos dalam perniagaan.
- Kredit : 2



CLO 1

Menyatakan kepentingan perniagaan, bentuk pemilikan perniagaan dan khidmat sokongan . (C1, PLO 1)

CLO 2

Membina idea perniagaan (P4, PLO 2)

CLO 3

Menyediakan Business Model Canvas (BMC) (C3, PLO 8)

**SLK 1023
(PENGENALAN KEPADA
PERNIAGAAN)**

Sinopsis

• Pembangunan perniagaan membolehkan pelajar memahami konsep, kaedah, pelaksanaan serta penyediaan rancangan perniagaan. Pelajar juga didedahkan dengan khidmat sokongan keusahawanan.

• Kredit : 3



CLO 1

Menerangkan konsep asas prinsip pemasaran. (C1, PLO 1)

CLO 2

Menunjukkan idea pemasaran melalui campuran pemasaran. (C2, PLO 2)

CLO 3

Melaksanakan kaedah pemasaran secara tradisional dan moden. (A3, PLO 8)

**SLK 1033
(PRINSIP PEMASARAN)**

Sinopsis

• Kursus ini mendedahkan pelajar dengan pelbagai aktiviti pemasaran sebagai satu kemahiran sosial atau kemasyarakatan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar.

• Pelajar juga akan diterapkan dengan elemen-elemen pemasaran, pendekatan pemasaran, gelagat pengguna, perkembangan konsep pemasaran, strategi serta campuran pemasaran, idea pemasaran dan pemasaran secara atas talian.

• Pelajar perlu melaksanakan aktiviti pemasaran berdasarkan kemahiran pemasaran yang telah dipelajari.

• Kredit : 3



SLK 1042
PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA)

CLO 1

Menerangkan peraturan dan pematuhan OSH dalam persekitaran kerja yang ergonomik dan selamat. (C1,PLO1)

CLO 2

Mengenalpasti risiko, ancaman dan amalan bagi mengekalkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. (C1,PLO1)

CLO 3

Menunjukkan teknik asas pertolongan cemas bagi menghadapi tindakan kemalangan di tempat kerja. (P2,PLO2)

Sinopsis

- Kursus ini bertujuan untuk menerangkan asas keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kursus ini juga membincangkan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan bagi mengurangkan risiko di tempat kerja.
- Di samping itu, kursus ini juga menekankan pemahaman kepada undang-undang, pengurusan keselamatan dan kesihatan, pencegahan kemalangan dan kaedah-kaedah yang boleh digunakan dalam pertolongan cemas.
- Kredit : 3



SLK 1053
ASAS PENGURUSAN LOGISTIK

CLO 1

Menerangkan asas logistik, organisasi logistik dan sistem pengangkutan dalam logistik [C1, PLO 1]

CLO 2

Menjelaskan definisi, ciri-ciri, dan fungsi inventori, pergudangan dan khidmat pelanggan. [C2, PLO 1]

CLO 3

Melaksanakan pemrosesan pesanan dan sistem pengurusan maklumat serta pengurusan import dan eksport [A2, PLO 4]

Sinopsis

- Asas Pengurusan Logistik bertujuan untuk memperkenalkan istilah asas, pemahaman, prinsip dan kaedah untuk merancang, mengorganisasikan dan mengawal aktiviti logistik yang berjaya.
- Sejalan dengan aktiviti perniagaan yang semakin meningkat, peranan penyedia logistik yang cekap menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan sesebuah perniagaan.
- Antara aktiviti di dalam bidang logistik adalah seperti pengangkutan, pemrosesan pesanan, perolehan, penyimpanan, inventori dan pergudangan, pengendalian bahan, khidmat pelanggan dan penjadualan produk.
- Kredit : 3

Semester 2



CLO 1

Menerangkan prinsip serta amalan pengangkutan, sistem pengangkutan dan undang-undang pengangkutan. (C1, PLO1)

CLO 2

Mengklasifikasikan mod pengangkutan dan infrastruktur pengangkutan. (C2, PLO6)

CLO 3

Menerangkan pengendalian sistem pengurusan pengangkutan di Malaysia. (A1, PLO7)

**SLK 2023
PRINSIP & AMALAN
PENGANGKUTAN**

Sinopsis

- Kursus ini menekankan kepentingan peranan pengangkutan di dalam bidang logistik di mana ianya merupakan kunci kejayaan kepada sesuatu perniagaan.
- Kursus ini bertujuan menerangkan istilah asas, prinsip, konsep dan kaedah yang digunakan di dalam pengangkutan.
- Kursus ini juga meliputi mod pengangkutan, sistem pengangkutan, undang-undang pengangkutan, infrastruktur pengangkutan dan pengurusan pengangkutan.

• Kredit : 3



CLO 1

Mengenalpasti Pengurusan Rantai Bekalan dan hubungan dengan pembekal dalam perkhidmatan logistik. C1, PLO1]

CLO 2

Menerangkan sumber strategik, hubungan pelanggan dan Rantai Bekalan [C2, PLO1]

CLO 3

Memberi maklumbalas berkaitan dengan isu dalam rantai bekalan mengikut perkembangan semasa. [A2, PLO5]

**SLK 2033
ASAS PENGURUSAN
RANTAIAN BEKALAN**

Sinopsis

- Kursus ini mendedahkan pelajar mengenai asas kepada pengurusan rantai bekalan. Ia memperkenalkan perkhidmatan rantai bekalan, pembekal yang terlibat, sumber-sumber yang terlibat dan strategi perkhidmatan pelanggan dalam proses rantai bekalan.
- Kursus ini juga mendedahkan pelajar dengan trend semasa dan masa depan dalam industri rantai bekalan.

• Kredit : 3



CLO 1

Menerangkan konsep asas dan saluran pengurusan pengagihan. (C1,PLO 1)

CLO 2

Menjelaskan perancangan dan pelaksanaan operasi pengagihan. (C2, PLO 1)

CLO 3

Menghuraikan saluran pengagihan antarabangsa. (A1, PLO 5)

**SLK 2043
PENGURUSAN
PENGAGIHAN**

Sinopsis

- Kursus ini mendedahkan pelajar dengan pemahaman berkaitan pengagihan logistik dalam pelbagai kaedah yang berbeza. Ia menumpukan kepada pengagihan secara fizikal yang digunakan dalam rantaian bekalan.
- Ia juga menerangkan faktor-faktor dalam memilih saluran yang sesuai, dasar dan strategi, kaedah pengagihan khas, logistik dan komunikasi serta elemen-elemen dalam pengagihan logistik.
- Kursus ini juga meliputi strategi pengurusan pengagihan antarabangsa dalam rantaian bekalan global.

• Kredit : 3



CLO 1

Menerangkan pengenalan dan konsep perakaunan mengikut piawaian perakaunan Malaysia. (C2, PLO 1)

CLO 2

Membezakan dokumen sumber yang digunakan dalam perniagaan. (P1, PLO 2)

CLO 3

Menyediakan rekod urusan mengikut proses kitaran perakaunan berdasarkan piawaian perakaunan Malaysia FRS. (C3, PLO 6)

**SLK 2074
PRINSIP PERAKAUNAN**

Sinopsis

- Prinsip Perakaunan memberi pengetahuan tentang asas perakaunan agar pelajar dapat memahami sistem merekod urusan daripada dokumen sumber dan seterusnya dapat menyediakan Penyata Kewangan.
- Melalui kursus ini pelajar akan didedahkan dengan kitaran perakaunan berdasarkan aspek teori dan amalan perakaunan yang diamalkan di Malaysia.

• Kredit : 4



Semester 3



CLO 1

Mengenalpasti jenis-jenis gudang dan kepentingan gudang dalam sesebuah perniagaan. [C2, PLO 1]

CLO 2

Memilih reka bentuk dan susun atur gudang serta sistem penyimpanan gudang yang efektif. [P1, PLO 2]

CLO 3

Menunjukkan cara menggunakan jenis-jenis peralatan dan sistem pengendalian bahan dalam pergudangan. [A3, PLO 4]

SLK 3014
PENGURUSAN OPERASI GUDANG

Sinopsis

- Gudang atau stor kerap kali dianggap sebagai bidang yang memerlukan tenaga fizikal lebih daripada minda (mental). Dengan perubahan zaman, peranan gudang/stor telah dipertingkatkan dan menjadi semakin mustahak di industri pengilangan mahupun di bidang perkhidmatan.
 - Lagipun, pengurusan Gudang/Stor kini penuh persaingan dengan pengenalan konsep „Tepat Pada Masa“ (JIT), strategi „Mengurus Inventori oleh Pembekal“ (VMI) dan „Logistik Pihak Ketiga“ (3PL).
 - Faktor yang perlu diambil kira dalam pengurusan akaun gudang seperti rekabentuk gudang, kaedah stor, pembungkusan, pengendalian bahan-bahan, tenagakerja, pentadbiran gudang dan prosedur, faktor keselamatan dan isu semasa pengurusan gudang.
- Kredit : 4



CLO 1

Menerangkan konsep pengurusan inventori dalam aktiviti logistik [C1, PLO1]

CLO 2

Menerangkan kepentingan pengurusan inventori dan tema-tema dalam pengurusan kawalan inventori. [C1,PLO1]

CLO 3

Menunjukkan pengiraan inventori dan maklumat sistem pengurusan inventori. [P2,PLO4]

SLK 3023
PENGURUSAN INVENTORI

Sinopsis

- Kursus ini bertujuan untuk menerangkan pengurusan inventori dalam aktiviti logistik khususnya melalui konsep, keberkesanan dan jenis-jenis inventori.
 - Kursus ini juga membincangkan aspek-aspek pengurusan kawalan inventori dan juga pengiraan inventori melalui model pengurusan inventori.
 - Di samping itu, kursus ini juga memberi pendedahan dari aspek maklumat sistem pengurusan inventori melalui keperluan maklumat, kitaran pembelian inventori dan aspek pemilihan pembekal.
- Kredit : 3



CLO 1

Mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam pengurusan perolehan. [C2, PLO 1]

CLO 2

Mengenalpasti aktiviti-aktiviti pengurusan perolehan dengan menggunakan dokumen yang betul. [P1, PLO 2]

CLO 3

Menerangkan pengurusan kualiti dalam aktiviti perolehan. [A3, PLO 3]

**SLK 3033
PEROLEHAN LOGISTIK**

Sinopsis

- PEROLEHAN LOGISTIK merujuk kepada pembelian bahan sebenar dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan proses belian. Ia berkaitan dengan aktiviti perolehan, pemilihan sumber, penentuan harga dan pengurusan kualiti dalam pengurusan perolehan.

• Kredit : 3



CLO 1

Menerangkan persekitaran dan peranan pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian import dan eksport. (C1, PLO1)

CLO 2

Mengenalpasti fungsi dokumen dan prosedur yang terlibat dalam aktiviti import dan eksport. (A1, PLO4)

CLO 3

Menghubungkait terma INCOTERMS dengan skim pembiayaan yang disediakan untuk pengimport dan pengeksport. C3, PLO6)

**SLK 3043
PENGURUSAN IMPORT &
EKSPORT**

Sinopsis

- Kursus Pengurusan Import Dan Eksport menyediakan pengetahuan kepada pelajar berkaitan dengan prosedur dan dokumen import dan eksport serta kastam.
- Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada prosedur dan dokumen import dan eksport yang relevan pada masa kini
- Di samping itu, pelajar didedahkan dengan pengetahuan berkaitan dengan industri import dan eksport di dunia.

• Kredit : 3

PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE) Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK)

PENGENALAN


Pembelajaran berasaskan hasil (OBE) adalah sistem pendidikan yang memfokuskan kepada hasil yang dapat dilakukan oleh pelajar dengan jayanya di akhir pembelajaran bagi setiap kursus. Dengan kata lain, OBE adalah model pembelajaran berpusatkan pelajar, yang mengukur penyertaan dan prestasi mereka.

Menurut pandangan asas Spady (1993), pembelajaran berasaskan hasil (OBE) adalah mengenai pengalihan fokus aktiviti pendidikan dari pengajaran kepada pembelajaran, kemahiran berfikir, isi proses dan arahan guru kepada demonstrasi pelajar.

KONSEP PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE)



Pengajaran Berpusatkan Pensyarah




Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE)

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERASASKAN HASIL (OBE)

Menerusi konsep pembelajaran berasaskan hasil ini, pelajar akan dapat:



melakukan tugas yang lebih mencabar selain menghafal dan memahami isi pengajaran di kuliah.



menjalankan kajian, membuat analisa berdasarkan dapatan dan membuat pembentangan.



merancang, memimpin dan bekerja dalam satu pasukan dengan melakukan aktiviti CSR, keusahawanan, sukan, dll.



menjadi lebih kreatif dan mencipta inovasi baru.